



MUHAMMAD Akram menghabiskan waktu lapang dengan bermain permainan papan.



AHMAD Syazwan dan Muhammad Akram sedang bermain dengan salah satu jenis Board Games, Survive Escape From Atlantis.



MUHAMMAD Akram bersama koleksi permainan papan kepunyaannya.

NOSTALGIA PERMAINAN

Muhammad Akram berhabis RM30,000 kumpul 200 permainan papan



Redzuan Muharam
gen.y@hmetro.com.my

Saidina, Monopoli dan Jutaria mungkin tidak asing bagi remaja era 90-an namun permainan papan itu kini kian dilupakan seiring dengan peredaran zaman.

Malah, tidak ramai tahu bahawa komuniti 'board gamers' masih aktif dan salah

seorangnya adalah Muhammad Akram Datuk Dr Abdul Aziz yang memiliki 200 koleksi permainan papan.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, koleksi permainan berkenaan dibeli sedikit demi sedikit sejak berumur 17 tahun menggunakan wang simpanan.

"Seperti remaja lain, saya juga gemar bermain bola sepak namun hobi itu agak klise terutama bagi budak lelaki.

"Kerana mahu mencari kelainan, saya mencuba hobi baru iaitu bermain permainan papan dan ternyata ia amat menyeronokkan.

"Minat itu kemudian bertukar menjadi hobi sehingga saya sanggup mengumpul wang

bagi membelinya untuk bermain dengan rakan sebilik ketika di asrama," katanya yang bekerja sebagai peguam sivil dan harta intelek.

Bercerita lanjut, Muhammad Akram berkata, sehingga kini, dia sudah membelanjakan kira-kira RM30,000 bagi membeli semua koleksi permainan berkenaan.

Menurut Muhammad Akram, jumlah itu agak besar tetapi dia tidak menganggapnya sebagai satu pembaziran kerana minat dan yakin boleh menjualnya semula pada masa akan datang.

"Sebahagian koleksi dibeli dari kedai di sekitar Subang Jaya dan Wangsa Maju manakala selebihnya perlu ditempah terlebih dulu sementara

FOTO: SHIRAZ YASMINE ALI



SALAH satu permainan koleksi Muhammad Akram, *Survive - Escape from*



MUHAMMAD Akram menunjukkan salah satu permainan yang dibelinya sejak beberapa tahun lalu

ANAN PAPAN

menunggu stok tiba.

“Saya membelinya dengan harga antara RM60 hingga RM100 dan ada juga yang mencecah RM500 bagi satu set permainan.

“Ia bergantung kepada jenis dan kebiasaannya. Harga permainan keluaran terhad lebih mahal,” katanya yang mengumpul pelbagai koleksi permainan papan seperti 5 Pillars, *Survive - Escape From Atlantis*, *Twilight Imperium*, *Pandemic*, *Acquire*, *Risk* dan *Cluedo*.

Menurut Muhammad Akram, selain mendapat kepuasan, permainan papan membolehkannya berinteraksi lebih rapat dengan individu sekeliling terutama rakan


sekerja dan kakitangan.

Oleh kerana itu, dia menjadikan permainan itu sebagai salah satu aktiviti wajib di pejabat bagi mengeratkan silaturahim sesama mereka.

“Selalunya, saya akan mengajak rakan sekerja dan kakitangan bermain selepas waktu pejabat.

“Jika tidak sempat, kami akan bermain selepas solat Jumaat atau ketika berkumpul di rumah saya dan tempoh bermain mengikut jenis permainan.

“Menariknya, bukan saja rakan lelaki malah ada juga perempuan yang turut serta kerana permainan ini sesuai untuk semua golongan,” katanya.



MUHAMMAD Akram mengeluarkan salah satu koleksi permainan yang disimpan di dalam rak